



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Faks : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : kpkt\_gov  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.43 (35)

Tarikh : 12 Jun 2014

## SIARAN MEDIA

### **KESEJAHTERAAN FIZIKAL, SOSIAL DAN MENTAL KOMUNITI BANDAR MENERUSI PUSAT KECEMERLANGAN KESEJAHTERAAN BANDAR (CENTRE OF EXCELLENCE)**

**KUALA LUMPUR, 12 JUN 2014** – Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merasmikan Pusat Kecemerlangan Kesejahteraan Bandar atau *Centre of Excellence for Urban Wellbeing and Happiness (COE)* pada pagi ini.

2. COE ini adalah inisiatif Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) untuk mengatasi masalah bandar seperti kadar jenayah dan penyakit berjangkit yang tinggi, kesukaran memiliki rumah, kesesakan trafik, banjir kilat, catuan air, musnah-laku dan kemiskinan bandar.

3. Jika gejala ini tidak dibendung ia akan memberikan kesan negatif kepada penduduk bandar yang datang dari pelbagai latar belakang seperti tekanan mental, perasaan tidak puas hati terhadap masyarakat, hubungan keluarga dan individu yang renggang, kerosakan harta benda, kecederaan dan kematian.

4. Bagi melahirkan komuniti bandar yang sejahtera, berdaya saing tinggi serta kehidupan yang berkualiti, KPKT menubuhkan Pusat Kecemerlangan Kesejahteraan Bandar atau *Centre of Excellence for Urban Wellbeing and Happiness* yang berperanan:

- i. Badan pencari (seeker) penyelesaian kreatif untuk isu-isu bandar.
- ii. *Premier think-tank*’ memperjuangkan misi kesejahteraan bandar.
- iii. Perantaraan untuk Kerajaan dan orang ramai begi menyebarkan visi dan pengetahuan tentang kesejahteraan bandar.
- iv. *One-stop Urban Information Bank* yang menjana data dan berkongsi bukti kajian.

- v. Penasihat autoritatif kepada penggubal dasar dan pemimpin bandar mengenai perihal kesejahteraan bandar.

5. Fungsinya pula merangkumi tiga fungsi utama, iaitu penyelidikan, *capacity building* dan mempromosikan ilmu pengetahuan, bagi memastikan penduduk di bandar hidup bahagia dan sejahtera.

- i. Melalui penyelidikan, pusat ini akan menghasilkan penemuan berasaskan bukti yang asli untuk menyokong penyelesaian berinovatif, penggubalan dasar dan pembuat keputusan untuk meningkatkan kualiti kehidupan di bandar.
- ii. Melalui *capacity building* pula, peluang latihan, penukaran penyidik dan international *attachment* akan diberi kepada penyidik, *fellows*, pengurus dan pemimpin bandar. Tujuan ini ialah untuk meningkatkan lagi pengetahuan, keupayaan dan profesionism sumber manusia COE dan pentadbir bandar, and seterusnya menyumbang kepada kemajuan COE dan penduduk serta komuniti.
- iii. Untuk mempromosi ilmu pengetahuan, COE akan menyebar luas hasil penyelidikan dan inovasinya melalui penerbitan, program wacana ilmu, khidmat perundingan dan sebagainya. Ini akan dilakukan kepada golongan sasaran dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam aspek kesejahteraan bandar.

6. Output dan hasil Pusat Kecemerlangan ini ialah:

- vi. Khidmat nasihat dalam penggubalan dasar bandar.
- vii. Pendekatan yang kreatif, inovatif dalam penyelesaian isu bandar
- viii. Pangkalan data dan maklumat bandar.
- ix. Sistem yang menyokong pembuat keputusan bandar, penilaian dan pemantauan kesejahteraan bandar.
- x. Bahan terbitan.
- xi. Paparan (*showcase*) hasil kajian.

7. Tindakan pro aktif ini diharap dapat menangani dan mencari jalan penyelesaian terhadap masalah bandar dan melahirkan komuniti bandar yang berdaya saing tinggi, cemerlang dan sejahtera.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Perumahan Pengurusan Strata dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)